



15 FEB, 2024

Lelaki Myanmar tidak sempat bawa masuk tikus salai

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Lelaki Myanmar tidak sempat bawa masuk tikus salai

SEPANG – Tindakan seorang lelaki Myanmar membawa masuk sebanyak 15 kilogram (kg) tikus salai ke negara ini gagal apabila tindakannya dikesan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Isnin lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, dagangan itu dibawa lelaki Myanmar terbabit menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Kesemua tikus salai itu dikesan ketika pemeriksaan bagasi menerusi mesin pengimbas terhadap seorang penumpang dari Myanmar.

"Kesemua rampasan dianggarkan bernilai RM300 itu berjaya dikesan dengan bantuan mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pemeriksaan pegawai Maqis," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, perbuatan mengimport keluaran hasil haiwan tanpa permit sah menjadi kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Jelasnya, ia boleh di hukum mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.



SEORANG pegawai Maqis menunjukkan tikus salai yang dirampas di KLIA Isnin lalu.

"Individu berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

"Maqis juga sentiasa mengambil langkah serius dalam isu itu bersama agensi

penguatkuasaan di sempadan kerana ia membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit yang boleh mengancam sektor pertanian," jelasnya.

Ujar Mohd. Sobri, penguatkuasaan undang-undang akan terus dilaksanakan bagi mengekang kegiatan tersebut.



15 FEB, 2024

Lelaki Myanmar tidak sempat bawa masuk tikus salai

Kosmo, Malaysia



SUMMARIES

SEPANG - Tindakan seorang lelaki Myanmar membawa masuk sebanyak 15 kilogram (kg) tikus salai ke negara ini gagal apabila tindakannya dikesan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Isnin lalu. Pengarah Maqis Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berka-. ta,. dagangan itu dibawa lelaki Myanmar terbabit menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur."Kesemua tikus salai itu dikesan ketika pemeriksaan bagasi menerusi mesin pengimbas terhadap seorang penumpang dari Myanmar.